

Mahathir jelaskan tuduhan pada PAS

KUALA LUMPUR, Khamis — Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad memberitahu Dewan Rakyat hari ini, beberapa sebab yang beliau menuduh parti PAS lebih bahaya dari komunis.

Pertama, segala fitnah dan kegiatan PAS semasa dan selepas pilihanraya yang bercanggah dengan Islam menjadikan masyarakat Islam kucar-kacir dan meretakkan benteng kekuatan orang-orang Melayu dalam mempertahankan negara ini.

Waktu menjawab soalan Datuk Haji Abu Bakar Umar (PAS-Kota Setar), Dato Seri Dr. Mahathir berkata, "selama 30 tahun komunis menyerang Malaysia, kita tidak tewas kerana orang Melayu, orang Islam menjadi benteng yang kuat mempertahankan negara kita."



DATUK ABU BAKAR

"Serangan komunis tidak begitu bahaya kerana akibatnya ialah mengukuhkan semangat kita dan merapatkan barisan kita untuk memelihara agama, bangsa dan tanahair."

"Tetapi, kerana fitnah PAS, benteng ini sudah retak, sebab itu PAS lebih bahaya dari komunis — PAS

mungkin berjaya menghancurkan benteng pertahanan Malaysia yang mungkin tidak mungkin melukakan" ujarnya.

Dato Seri Dr. Mahathir menegaskan, beliau membuat tuduhan seumpama itu atas dirinya sebagai seorang Islam yang patuh kepada al-Quran dan tidak mahu Islam lumpuh dan luput di Malaysia seperti telah terjadi di beberapa negara Islam lain.

Katanya, setiap seorang orang Islam mempunyai tugas mempertahankan agamanya, "tidak perlu baginya menjadi Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri atau menteri atau timbalan menteri sebelum ia patuh kepada ajaran Islam," ujarnya.

Pengalaman

"Menurut Dato Seri Dr. Mahathir, apa yang beliau katakan terhadap PAS adalah jelas terdapat dalam al-Quran. PAS membuat fitnah sepanjang masa sementara penganas komunis membunuh."

Beliau memetik satu potongan ayat al-Quran yang berbunyi: "Fitnah itu adalah lebih bahaya dari membunuh."

Dari pengertian ini, tambah Timbalan Perdana Menteri, bolehlah kita anggap bahawa PAS yang suka berbuat fitnah adalah lebih merbahaya dari komunis yang membunuh.

Dato Seri Dr. Mahathir terdahulunya telah menjelaskan sedikit sebanyak tentang tafsiran "merbahaya".

Katanya, manusia bukan sahaja mengguna pengalamannya sendiri untuk menentukan kemungkinan bahaya berlaku, tetapi dapat juga mengguna sejarah dan pengalaman orang lain.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia